



AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI
DI-TERBITKAN DUA KALI SA-BULAN PADA HARI RABU PERTAMA DAN KETIGA

TAHUN 9 BILANGAN 10

RABU 20 MEI, 1964.

رابعو 8 محرم 1384

PERCHUMA

D. Y. M. M. KURNIAKAN BINTANG2

21 DAS

TEMBAKAN

MARIAM

MENGHORMATI

BAGINDA

LONDON. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Brunei, Sir Omar Ali Saifuddin telah memperkenalkan pengurniaan bintang2 kebesaran Negeri Brunei kepada 16 orang ra'ayat British, yang ada hubungan-nya dengan kerajaan dan baginda sendiri.

Duli Yang Maha Mulia sekarang ini dalam lawatan baginda mengelilingi dunia sa-lama dua bulan. Baginda telah berangkat meninggalkan Brunei pada 9 April.

Menurut Reuter minggu lepas baginda telah membuat lawatan private di-Amerika Sharikat setelah meninggalkan London pada 10 Mei lepas.

Sa-belum itu, baginda telah mengadap Duli Yang Maha Mulia Baginda Queen di-Istana Buckingham.

Sa-masa di-Amerika baginda telah di-ra'ikan dalam jamuan santapan tengah hari oleh Duta Inggeris, Lord Harlech dan dalam jamuan santapan malam oleh Duta Malaysia, Dato Ong Yoke Lin pada 14 Mei yang lalu, di-Washington.

Duli Yang Maha Mulia dan pengiring2 baginda di-jangka akan berangkat kembali ka-tanah ayer sa-lepas meneruskan lawatan ka-Australia dan New Zealand, awal bulan hadapan.

Sementara itu Jawatankuasa Sambutan Ketibaan Keberangkatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia telah memutuskan bahawa satu barisan kehormatan dan tembakan 21 das mariam akan diadakan untuk mengalu2kan dan merayakan perkembalian baginda ka-tanah ayer, di-Lapangan Terbang Brunei pada hari ketibaan baginda nanti.

KAPADA 16 ORANG RA'AYAT BRITISH

S A-RAMAI 16 orang ra'ayat British mendapat kurniaan bintang2 kebesaran Negeri Brunei dengan Awang Alan Outram, Pesuruh Jaya Pulis menerima kurniaan Dato Paduka Setia Pahlawan Negara Brunei (P.S.P.N.B.) ia-itu bintang kepahlawanan yang tertinggi dalam senarai.

Pemandu kereta Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan Brunei di-London Awang Lewis Barnett telah juga mendapat kurniaan bintang kebesaran ia-itu Pingat Omar Ali Saifuddin (P.O.A.S.) darjah yang pertama.

Beliau, sekarang ini sudah pun bersara, telah menjadi pemandu kereta baginda sejak enam tahun dahulu bila2 mana baginda melawat ka-England.

Awang Barnett akan terus berkhidmat kapada baginda bila2 masa baginda berada di-sana.

ADA HUBONGAN-NYA

Sa-puluh orang ra'ayat British lain-nya yang juga ada hubungan-nya sama ada dengan kerajaan Brunei mau pun dengan baginda sendiri yang di-kurniakan bintang2 kebesaran Brunei itu ada-lah seperti berikut :

Dato Paduka Dr. Joseph Brand, D.P.M.B., tabib peribadi baginda — Darjah Kerabat Yang Amat di-Hormati (D.K.) darjah yang kedua; Awang Neil Lawson, penasihat perlembagaan — Dato Seri Paduka Darjah Mahkota Brunei (S.P.M.B.).

Sir Benjamin Rycroft, pakar mata — Dato Setia Negara Brunei (D.S.N.B.) darjah yang ke-

LONDON

dua; Awang Patrick Linton, bekas Pengarah Urusan Sharikat Minyak Shell Brunei — Dato Paduka Mahkota Brunei (D.P.M.B.) darjah yang kedua; Awang C.E.B. Parrott, Penolong Pegawai Talikom — Perwira Agong Negara Brunei (P.A.N.B.).

Awang W.I. Glass, Pegawai Perjawatan — Perwira Agong Negara Brunei (P.A.N.B.); Awang Idris Talog Davies, Peguam Negara — Setia Negara Brunei (S.N.B.) darjah yang ketiga; Kapitan E.H. Mutton, bekas Pegawai Laut Negara — Setia Negara Brunei (S.N.B.) darjah yang ketiga.

Dayang C.I. Petrie, Setia Usaha Sulit Pesuruh Jaya Tinggi Inggeris di-Brunei — Pekerma Setia Brunei (P.S.B.) darjah yang keempat; dan Awang David Ross, Pengurus Sharikat Borneo Berhad, Brunei — Pingat Omar Ali Saifuddin (P.O.A.S.) darjah yang kedua.

Empat orang lagi ra'ayat British yang lain-nya juga di-kurniakan bintang2 kebesaran Negeri Brunei.

MENGHADHIRI PEMBUKAAN PARLIMEN

BERAKAS. — Yang Berhormat lagi di-Muliakan Pehin Dato Perdana Menteri Dato Seri Paduka Haji Ibrahim bin Mohamed Jahfar, Speaker Majlis Mesuarat Negeri Brunei telah berlepas dari sini ka-Singapura dengan kapal terbang pada 16 Mei dalam perjalanan beliau ka-Kuala Lumpur.

Beliau, dengan di-iringi oleh Juru Tulis Majlis tersebut, Pengiran Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim akan menghadiri pembukaan sidang Parlimen Malaysia pada minggu ini, sa-bagai pemerhati.

Sidang Parlimen itu adalah yang pertama kali diadakan sejak pilehan raya Malaya di-adakan belum lama dahulu.

Timbalan Menteri Besar Berchuti Di-Malaya

BERAKAS. — Timbalan Menteri Besar, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohammad Daud telah berlepas dari Lapangan Terbang Brunei di-sini ka-Singapura untuk berchuti sa-lama dua minggu di-Malaya, pada 11 Mei lepas.

Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali telah di-temani oleh isteri-nya Datin Hajjah Nahriah binte Mohammad Daud.



Menteri Besar, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un beruchap sa-bagai mengalu2kan perkembangan ahli2 Askar Melayu Brunei dalam satu upacara ringkas di-Bandar Brunei pada 7 Mei, 1964. (Lihat berita-nya di-muka 5)

SETIA USAHA KERAJAAN BRUNEI PUJI

Persatuan Belia Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — "Meninjau perkembangan Persatuan Belia Bandar Brunei sechra umom, saya kira ada-lah salah satu persatuan yang ada di-negeri ini yang patut di-banggakan dan menjadi chontoh kepada lain2 persatuan pemuda pemudi yang terdaftar di-negeri ini." Demikian antara-nya kata Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Beliau telah melafadzkan kata2 sa-demikian ketika memberi ucapan di-majlis menyampaikan hadiah2 kepada peserta2 yang berjaya di-temasha Perlumbaan Merentas Desa anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei pada petang hari Rabu yang lalu.

Selanjut-nya beliau berkata, "Persatuan Belia Bandar Brunei yang di-tubuhkan tiga tahun lalu telah membuat bermacam2 kegiatan dalam menyedarkan ahli2-nya kepada hidup berpersatuan. "Mereka mengadakan projek bulanan yang membolehkan setiap ahli-nya ikut serta dalam menjayakan projek itu. Langkakah ini saya kira ada-lah merupakan satu perkara yang amat baik dalam merapatkan tali persahabatan antara ahli2 yang sudah tentu-nya terdiri dari berbagai kaum dan berbagai aliran kehidupan.

PROJEK2

"Melalui projek2 yang di-adakan, mereka dapat berkumpul, bertukar2 fikiran sambil dapat bersuka ria menikmati hidup muda mudi yang tidak melanggar batasan.

"Dan projek tahunan yang di-mulakan pada hari ini, ada-lah juga menambah lagi satu kegiatan yang bererti untuk memimpin para pemuda pemudi yang sempurna."

"Mengadakan sokan ada-lah satu kebaikan bagi mengingikan darjat kesehatan kita. Dengan sehat-nya tuboh anggota badan kita maka dengan sendiri-nya otak menjadi sehat dan dapat memecahkan so'al2 kehidupan

yang rumit dengan kepala yang dingin dan perasaan tenang sehat."

"Projek bulanan dan juga tahunan yang di-adakan oleh Persatuan Belia Bandar Brunei ini ada-lah sechra tidak langsung memimpin para pemudi kita untuk berkumpul membuat berbagai2 kebajikan kepada diri sendiri. Dengan ada-nya projek2 ini, para pemuda pemudi kita tidak akan membuang masa yang liar kerana tidak ada tempat bagi membuang masa yang terluang.

JANGAN-LAH

MERAMALKAN

NUJUM PA' BELALANG

"Brunei ingin melihat para pemuda pemudi-nya sehat dan berotak waras.

"Brunei tidak ingin melihat pemuda pemudi-nya menjadi Pa' turut dan berpaya2 serta meramalkan Nujum Pa' Belalang.

"Dengan ada-nya para pemuda pemudi yang berotak waras dan berbadan sehat, sudah tentu-nya mereka akan dapat membantu dalam menyelenggarakan projek2 kemajuan negara.

"Dengan mempunyai para pemuda pemudi yang di-sebut tadi, maka baru-lah kita boleh berbangga bahawa BRUNEI MEM-PUNYAI PARA PEMUDA HARAPAN BANGSA DAN PEMUDI TIANG NEGARA yang sedia rela berkorban tenaga mau pun jiwa raga untuk kepentingan bangsa dan negara", kata lagi Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof.

Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof menyatakan pada masa mulai berucap di-majlis tersebut bahawa beliau merasa suka-chita kerana di-jemput untuk "melafadzkan sepatah dua kata di-temasha yang gilang gemilang pada petang ini."

Beliau telah mengucapkan setinggi tahniah kepada semua petugas dan peserta yang menjayakan perlumbaan lari merentas desa yang di-anjorkan oleh Persatuan Belia Bandar Brunei itu.

"Saya mendapat faham bahawa lomba lari merentas desa yang di-adakan pada hari ini adalah merupakan satu temasha yang julong2 kali di-adakan atas anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei.

"Temasha ini ada-lah merupakan projek tahunan yang pertama dan akan di-teruskan di-tahun2 yang akan datang. Saya berdo'a semoga temasha sa-begini



Yang bernormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Yusof menyampaikan piala kepada johan lumba lari merentas desa, Wong Mee Fun, 12 tahun, dalam lumba bahagian wanita, pada 13 Mei, 1964.

akan lebih meriah pada tahun depan dengan lebih ramai lagi para peserta mengikuti perlumbaan ini," kata beliau.

Dalam ucapan beliau di-majlis tersebut, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof seterusnya telah berseru kepada para pemuda pemudi negeri ini menginsafi tugas mereka terhadap negara dan bangsa.

PERSATUAN AWANG2

DAN DAYANG2

Beliau telah menasehatkan kepada beliau2 di-negeri ini supaya, "Jadikan-lah Persatuan Pemuda Pemudi yang Awang2 dan Dayang2 menjadi ahli-nya itu sebagai tempat bertukar2 fikiran dan perbincangan bagi membuah sesuatu hasil yang baik kepada diri sendiri dan juga masyarakat seluruh-nya dengan otak yang waras dan sehat.

"Jangan-lah pula hendak-nya persatuan di-jadikan tempat berpaya2 dan berkumpul untuk mengambil kesempatan bagi berte-

mu antara pemuda pemudi bagi membuat perhubungan romance dan sesuatu yang melanggar tata susila kehidupan kita bangsa timor yang mempunyai peribadi yang halus dan bersopan santun."

Beliau juga telah sekali lagi mengucapkan tahniah yang setinggi2-nya kepada seluruh anggota Persatuan Belia Bandar Brunei, terutama kepada para petugas yang menjayakan temasha itu dan berdo'a semoga usaha sebegini pada tahun hadapan akan lebih meriah dan mendapat perhatian yang besar dari mereka yang menaruh minat.

Akhir-nya Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof telah memberi tahniah kepada para peserta yang telah membuat kejayaan di-temasha perlumbaan lari merentas desa itu.

Kapada peserta2 yang tewas pula, beliau telah peransang mereka supaya jangan berputus asa dan chuba-lah lagi apabila kesempatan yang lain terbuka.

MINGGU PELAJARAN

15,000 Orang Kanak2 Sekolah Akan Mengambil Bahagian

BANDAR BRUNEI. — Kira2 15,000 orang kanak2 Sekolah Melayu di-seluruh Negeri Brunei akan mengambil bahagian dalam MINGGU PELAJARAN yang di-adakan dalam bulan Jun hadapan.

Tarikh Minggu Pelajaran itu akan di-tetapkan oleh Sekolah masing2. Demikian menurut keterangan sa-orang Juruchapak Jabatan Pelajaran, Brunei.

Beliau menjelaskan bahawa perkara2 yang akan di-adakan itu ada-lah mengenai dengan pelajaran murid2.

Tujuan di-adakan Minggu Pelajaran itu, kata beliau, ia-lah supaya memberi peluang kepada ibu bapa atau penjaga2 murid2

untuk menyaksikan hasil2 kerja anak2 mereka di-sekolah2 pada sa-panjang hari persekolahan.

Selanjut-nya Juruchapak Jabatan Pelajaran Brunei berkata bahawa maka dengan hal yang sa-demikian, dapat-lah mengeratkan perpaduan di-antara Guru2 dengan ibu bapa atau penjaga2 murid2 serta penduduk2 kampung yang berkenaan bagi memajukan pelajaran anak mereka.

"Jabatan Pelajaran Negeri Brunei telah pun mencetak beberapa2 keping poster dan sa-banyak kira2 16,000 keping surat2 jemputan yang akan di-kiriskan kepada ibu2 bapa atau penjaga2 kanak," kata lagi beliau.

KELEPASAN SEKOLAH2 KERAJAAN

BANDAR BRUNEI. — Kelepasan Penggal Ke-dua Sekolah-Sekolah Melayu serta Maktab Perguruan Melayu Brunei dan Sekolah2 Inggeris kepunyaan Kerajaan Brunei ada-lah seperti berikut :

Sekolah2 Melayu dan Maktab Perguruan Melayu Brunei tutup mulai pada 15 Mei dan akan di-buka sa-mula pada 24 Mei.

Sekolah2 Inggeris Kerajaan Brunei, ia-itu Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dan Maktab Anthony Abell, Seria telah tutup mulai pada 15 Mei dan akan di-buka samula pada 23 Mei.

PEGAWAI DAERAH BRUNEI/MUARA MERASMIKAN PERADUAN BACHAAN AL-QURAN

BANDAR BRUNEI. — Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Awang Ali bin Awang Besar telah menyeru guru2 dan murid2 sekolah2 Ugama di-negeri ini supaya memahami akan tujuan2 dan ajaran2 yang terkandung di-dalam kitab suci al-Quran di-samping mengajar dan mempelajari bacaan-nya.

Penguasa Pos Brunei Ka-Austria

BERAKAS. — Penguasa Pos Negeri Brunei, Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan telah berangkat dari Brunei ka-London dengan kapal terbang pada petang 14 Mei dalam perjalanan beliau ka-Austria untuk menghadiri Kongres Kesatuan Pos Universal di-Vienna, ibu kota Austria.

Awang Haji Ali Khan berkata di-Lapangan Terbang Brunei sa-belum beliau berangkat ka-London pada petang hari Khamis yang lalu bahawa lebih dari 40 buah negeri, termasuk Negeri Brunei akan di-wakili di-Kongres tersebut.

Kongres itu, kata beliau, diadakan lima tahun sa-kali dan beliau berasa sukachita kerana telah dapat peluang untuk menghadiri Kongres tersebut.

Ramai anggota2 Pejabat Pos dalam Negeri Brunei, Pegawai2 Kerajaan Brunei, keluarga Awang Haji Ali Khan dan sahabat2 handai beliau telah berkunjung ka-bangunan Lapangan Terbang Brunei pada petang hari tersebut untuk mengucapkan "Selamat Berangkat ka-luar negeri dan selamat ba'ek ka-Brunei" kepada Awang Haji Ali Khan.

AHLI2 SOKAN DI-RA'IKAN

BANDAR BRUNEI. — Satu majlis jamuan teh untuk meraikan ahli2 sokan Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei dan juga mengucapkan tahniah kepada Pasokan Sokan Sekolah Melayu S.M.J.A. yang telah berjaya menjadi johan dalam Pertandingan Akhir Sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada tahun ini, telah diadakan di-Sekolah Melayu S.M.J.A. pada pagi 14 Mei.

Nadzir Sekolah2 Melayu Bandar Brunei, Awang Shabbudin bin Saleh telah mengucapkan tahniah kepada Pasokan Sokan Sekolah Melayu S.M.J.A. yang telah berjaya menyanggah gelaran Johan Sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada tahun ini.

Beliau berharap sa-moga ahli2 sokan Sekolah Melayu S.M.J.A. akan bergiat lagi dalam lapangan sokan dan mempertahankan gelaran kejohanan sokan Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei pada tahun2 yang akan datang kelak.

Turut memberikan ucapan di-Majlis tersebut ia-lah Guru Besar Sekolah Melayu S.M.J.A. Awang Sabtu bin Muhammad dan Wakil Badan Sokan Sekolah Melayu S.M.J.A. Awang Sulaiman.

Dengan demikian, kata-nya, sa-tiap kemajuan dan kejayaan yang akan di-chapai tetap akan mendapat keridaan Tuhan Yang Maha Kuasa dan dengan demikian sesuai-lah dengan Perlembagaan Negeri Brunei yang mengkanunkan Ugama Islam sa-bagai Ugama resmi.

Beliau menyatakan demikian ketika membuka dengan resmi-nya majlis peraduan membacha

kitab suci al-Quran dan sharahan bagi murid2 sekolah Ugama Daerah Brunei/Muara dan Temburong yang telah di-langsungkan di-Masjid Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei pada pagi 10 Mei.

Dalam peraduan2 tersebut, sa-banyak 22 buah sekolah2 Agama di-Daerah Brunei/Muara dan Temburong telah menghantar dua orang wakil tiap2 sekolah untuk peraduan bacaan Quran dan bagi peraduan sharahan enam orang peserta dari enam buah sekolah telah mengambil bahagian.

Peraduan2 itu ada-lah untuk memilih wakil sekolah2 Agama Daerah Brunei/Muara dan Temburong ka-peraduan peringkat negeri yang akan di-adakan sa-telah selesai pemilihan daerah2.

MASHUARAT AGONG KESATUAN SEKERJA P. P. K. BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Kesatuan Sekerja Pejabat Perubatan dan Kesehatan Brunei telah mengadakan Mashuarat Agong-nya bertempat di-Bilik Sharahan, Asrama Jururawat, Bandar Brunei pada 10 Mei, 1964.

Majlis itu telah di-pengurusikan oleh Pengiran Mohidin bin Pengiran Tajuddin.

Ramai ahli2 Kesatuan Sekerja Pejabat Perubatan dan Kesehatan dari seluruh Negeri Brunei telah hadir di-majlis tersebut.

Dalam ucapan Pengiran Mohidin di-majlis itu, beliau telah meminta supaya semua ahli2 kesatuan tersebut bekerjasama bagi memajukan kesatuan mereka.

Beliau telah menyeru kepada ahli2 kesatuan tersebut supaya mereka menjauhkan diri masing2 dari politik, kerana dengan jalan itu-lah, kata beliau, maka baharulah pendirian kesatuan itu akan kukuh selama2-nya.

Pegawai2 baharu Kesatuan Sekerja Pejabat Perubatan dan

Kesehatan Brunei yang telah dilantik di-majlis tersebut ada-lah seperti di-bawah ini :

Yang Dipertua — Awang Weston Keasberry. Naib Yang Dipertua — Pengiran Mohidin bin Pengiran Tajuddin.

Setia Usaha Agong — Awang B.S. Andrews, Penolong Setia Usaha — Awang Charlie Keasberry, Bendahari — Awang Chin Yun Sang.

Ahli2 Jawatan Kuasa—Awang Ismail bin Abdul Rahman, Sheikh Othman bin Sheikh Hanif, Awang Mohamed Taib bin Abdul Latif, Awang Sulaiman bin Ahmad, Awang Cheng Teck Lee, Dayang Alice Wong, Awang Yong Hing Nam (Kuala Belait) dan Awang Abdul Rahman bin Abdul Razak (Kuala Belait).

KONGRES DEWAN BELIA ANTARA BANGSA



Wakil2 Dewan Belia Antara Bangsa dari Brunei yang telah menghadiri Kongres Dewan Belia Antara Bangsa di-Pulau Pinang baharu2 ini kelihatan dalam gambar ini semasa menghadiri kongres itu. Duduk dari kiri ka-kanan ia-lah Awang Zain Ariff, Awang P. Raja, Awang Patrick Sim Song Juay dan Awang Ong Kim Kee. Kongres itu telah menetapkan hendak mengadakan Kongres Dewan Belia Antara Bangsa Seluruh Dunia bagi tahun ini di-Oklahama, Amerika Syarikat tidak berapa lama lagi. Kongres Dewan Belia Antara Bangsa bagi kawasan Asia dan Pasifik pada tahun hadapan akan di-adakan di-Taipei, Formosa. Kemudian satu lagi Kongres Dewan Belia Antara Bangsa pula akan di-adakan di-Sydney, Australia. Gabnor Pulau Pinang, Yang Terutama Raja Tun Uda Al-Haj telah merasmikan pembukaan Kongres tersebut di-Dewan Heah Joo Seang, Sekolah Inggeris Saint Xavier, Pulau Pinang pada petang 28 April. Kongres tersebut di-tamatkan pada 2 Mei, 1964. Pokok perbincangan utama Kongres itu ia-lah "Dunia yang baik menerusi persahabatan antara bangsa".

PENGARANG2 BUKU2 SEKOLAH DI-KEHENDAKI

BANDAR BRUNEI. — Awang R.G.B. Duncan, sa-orang Pegawai dari Persharikatan Buku2 Longmans dari Malaysia telah melawat ka-Brunei baharu2 ini dalam bidang lawatan-nya ka-Negeri2 Sarawak, Brunei dan Sabah.

Tujuan lawatan-nya itu ia-lah untuk mencari pengarang2 yang dapat mengarang buku2 untuk bacaan sekolah.

Buku2 yang di-terjemahkan dari Bahasa Inggeris ka-Bahasa Melayu, kata-nya, sangat-lah di-gemari oleh pembacha2 tempatan.

Ratu Bulan Mei

SERIA. — Dayang Cheong Ying Ping, berumur 22 tahun, sa-orang kerani di-Sharikat Borneo, Kuala Belait telah di-pilih memenangi gelaran sa-bagai RATU BULAN MEI.

Pertandingan Ratu Chantek itu telah di-adakan di-dewan Shell Recreation Club baharu2 ini di-bawah anjoran Persatuan Kelab Belia Kuala Belait.

Dayang Gloria Green Azcona, berumur 15 tahun, sa-orang penuntut Sekolah Misi Perempuan Saint Angela, Seria telah di-pilih oleh para hakim menyanggah gelaran sa-bagai Naib Johan Peraduan Ratu Chantek tersebut.

Gelaran Pemenang Ketiga peraduan tersebut telah di-sandang oleh Dayang Florence Clark berumur 17 tahun sa-orang guru Sekolah Misi Saint Michael, Seria.

Dayang Catherine Loh yang telah menyanggah gelaran sa-bagai Dayang Malaysia Tahun 1963 telah "memahkotakan" Dayang Cheong Ying Ping sa-bagai Ratu Bulan Mei.

Pancharagam2 Pasokan Tentera Argyll and Sutherland Highlanders dan Blue Boys and Black Jacks telah bermain di-majlis tersebut.

Gadis Dusun Memelok Ugama Islam

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang gadis dari puak Dusun, Zainab binte Harun telah dengan kerelaan hati-nya memelok Agama Islam sa-bagai Agama yang akan di-anut-nya sa-hingga akhir hayat-nya.

Zainab telah memilih nama Islam-nya sa-bagai Nafsiyah binte Abdullah dalam satu upacara ringkas mengislamkan beliau di-Kampung Danau, Tutong awal minggu lepas.

Istiadat mengislamkan Nafsiyah itu telah di-lakukan oleh Kadhi Daerah Tutong, Begawan Khatib Haji Metali.

Nafsiyah pada masa ini ia-lah sa-orang amah di-Rumah Sakit Besar, Bandar Brunei.

Kebudayaan Sa-pintas Lalu VIII:

BERJARUM2 DAHULU

KEMUDIAN ISTIADAT BERSUROH... MEMINANG...

BISMILLAH menarek munggor,
Berkerapan chermin kina-nya;
Al-hamdulillah mengata shukor,
Tuan sudi menerima-nya.

BERKERAPAN chermin kina-nya,
Di-sana mambang mengadu sakti;
Tuan sudi menerima-nya,
Persembahan tiada dengan sa-perti.

Dua rangkap pantun ini telah di-pantunkan oleh pehak bakal pengantin lelaki yang datang ka-rumah pehak bakal pengantin perempuan sa-masa mengadakan istiadat menghantar tanda pertunangan.

Boleh jadi pantun ini di-gunakan bagi membalas rangkapan pantun yang di-berikan oleh pehak perempuan yang berbunyi :

SAPU tangan jatuh ka-laut,
Jatoh tidak dengan alas-nya;
Dua belah tangan menyambut,
Satu tiada ada balas-nya.

Pihak bakal pengantin perempuan memantunkan rangkap pantun ini ia-lah sa-sudah menerima barang2 sa-bagai tanda pertunangan bagi kedua teruna dan dara yang terma'alum.

Tanda pertunangan ini biasanya telah di-ma'alumi oleh kedua pehak bakal2 pengantin, kerana ini ada-lah sudah menjadi adat yang sentiasa sama—ia-itu tidak mustahak di-rundingkan sa-chara terbuka.

WANG TUNAI

Biasa-nya barang2 untuk menjadi tanda pertunangan ini adalah berupa wang tunai dan barang2 seperti kain mengain; di-hantar dalam suatu upacara yang telah di-setujui oleh kedua pehak.

Pihak laki2 menghantar satu rombongan yang di-ketuai oleh wakil orang tua atau penjaga pengantin itu.

Terdahulu dari ini pula tentulah ada bermacam2 adat istiadat yang harus di-lakukan yang asal usul-nya berpuncha dan bermula dari sa-belah pehak laki2 yang bakal menjadi pengantin.

Antara bermacam2 adat (dahulu-nya) yang di-amalkan dan di-pakai terutama-nya oleh penduduk2 di-Kampung Sungai Kedayan dari pandangan sa-pintas lalu terbahagi kepada 11 bahagian:

- Berjarum-jarum,
- Bersuroh,
- Menghantar tanda pertunangan,
- Menemui tanda,
- Menghantar pertunangan,
- Menunggu tunang,
- Masok berbedak,
- Menghantar barian (berian),
- Naik pengantin,
- Berambil-ambilan, dan

◆ Dalam keluaran yang lepas kita telah bersama2 mengikuti 'adat istiadat perkahwinan puak Belait Asli. Kali ini penulis ruangan ini membawa para pembaca sekalian mengikuti serba ringkas 'adat perkahwinan bangsa Melayu Brunei yang terdapat di-antara penduduk2 di-Kampung Sungai Kedayan, Bandar Brunei. Di-kampung2 di-Bandar Brunei saja 'adat istiadat perkahwin tidak-lah sama pada keseluruhan-nya, tetapi pada 'am-nya hanya-lah berbeza dalam bentuk melakukan dan melaksanakan-nya.

k) Balek tiga hari.

Berjarum2 ini boleh-lah kita tafsirkan sa-bagai satu langkah yang pertama bagi menjalankan penyiasatan yang di-lakukan oleh pehak lelaki kepada pehak perempuan.

Sa-rombangan hanya dalam beberapa orang sahaja (biasanya dalam satu atau dua orang) datang ka-tempat perempuan yang di-maksuti itu pura2 hannya dengan tujuan berjalan2 untuk berkenalan2 konon.

Dalam perbualan mereka ini ada-lah terdapat chakap2 yang tidak langsung tetapi mempunyai

but ia-lah yang sa-baik2-nya.

"Erti-nya yang satu menjadi dua; yang tidak mempunyai anak lelaki mendapat pula anak lelaki..."

Untuk menyatakan tanda kebenaran dari pehak lelaki, maka mereka pun menentukan tarikh dan waktu untuk mengadakan istiadat menghantar tanda pertunangan.

Sa-telah mendapat kesimpulan, maka rombongan dari pehak bakal pengantin lelaki itu pun meminta diri dan kembali sa-mula untuk melaporkan kepada orang tua lelaki itu tentang oleh2 atau

OLEH ZUL-KIFLIE ABDULLAH

tujuan untuk menyiasat sama ada perempuan yang di-kehendaki itu belum lagi bertunang.

Sa-telah ada bayangan bahawa perempuan itu "maseh ada kosong" maka tetamu yang datang itu pun mulai-lah membayangkan maksud mereka yang sa-benar. Ini juga dengan perkataan2 yang tidak langsung dan berbebit2.

Sa-telah mendapat bayangan "ada harapan" maka di-chadangkan pula istiadat bersuroh supaya di-langsungkan.

* * * *

Istiadat bersuroh ini di-lakukan dengan beramai2.

Satu rombongan dari pehak bakal pengantin lelaki datang ka-tempat pehak bakal pengantin perempuan, menurut sa-chara beradat.

Sa-bagaimana teradat, ayah atau penjaga bakal pengantin lelaki hanya mewakili kepada sa-orang yang di-fikirkan layak untuk mengetuai rombongan bagi memenuhi maksud tujuan rombongan itu kepada pehak bakal pengantin perempuan.

Dalam suasana istiadat ini juga tidak luput dengan perkataan2 kias mengias dan sindir seperti perkataan2: "ada pun hajat kami ini ia-lah diwakil oleh awang anu bin awang atau haji anu akan menyerahkan anak-nya awang anu kepada awang anu bin awang anu untuk barang2 gunanya... untuk menyisip2 atap dan menungkat2 rumah dan lain-nya..."

"Seperti hajat abis kita (tuan2) itu ma'alum-lah jua pehak kami di-sini. Saya ini pun di-wakil oleh awang anu untuk menyampaikan kepada "abis kita" bahawa akan maksud terse-

putusan yang telah di-chapai di-rumah pehak perempuan tadi.

* * * *

Kemudian baharu-lah istiadat menghantar tanda pertunangan di-jalankan.

Sa-bagaimana telah saya sebutkan di-atas pehak lelaki sakali lagi menghantar satu rombongan untuk menyelenggarakan istiadat ini.

TALI GINTONG

Ayah orang tua bakal pengantin lelaki menjemput satu atau dua orang yang bijak dan pandai bergurindam untuk mengetuai rombongan, kerana dalam waktu ini-lah suasana menghantar tanda pertunangan itu akan lebeh meriah.

Antara kedua pehak tidak-lah menggunakan perkataan2 sa-chara langsung, melainkan penoh dengan kiasan, sindiran dan achap kali dengan rangkapan2

pantun yang sa-tengah2-nya menggelikan hati para hadirin sekalian.

Dalam perundingan waktu ini-lah juga mereka menetapkan tentang tarikh perkahwinan. Bagi sa-tengah2 puak yang memang benar2 akan 'adat itu dengan sa-penoh-nya, waktu ini-lah juga mereka menetapkan tarikh waktu hendak memulakan istiadat berbedak dan berpachar (berinai).

* * * *

Tiga hari sa-lepas istiadat menghantar tanda itu, istiadat menemui tanda pun di-langsungkan dengan chara beradat.

Kali ini bakal pengantin lelaki itu sendiri di-bawa beramai2 ber-kunjong ka-rumah tunangan-nya ia-itu bakal pengantin perempuan. Ini di-lakukan pada sa-belah malam, ia-itu sa-lepas sembahyang fardhu 'Isha.

Bersahut2 atau berbalas2 pantun juga terdapat pada waktu ini di-antara kedua pehak. Tetapi kebanyakan-nyalah masa itu di-penohkan dengan berbagai2 achara berjaga2 seperti bermain chator, berkilar, main dam dan menambang (membacha) sha'er. Ini di-langsungkan hingga lewat malam dan bakal pengantin lelaki serta pengiring2-nya pun kembali.

* * * *

Sa-lepas itu, ia-itu tidak lama lagi dari tarikh perkahwinan, 'adat menghantar pertunangan pula di-adakan.

Menurut 'adat yang lazim-nya di-pakai dahulu-nya, tanda pertunangan itu terdiri dari dua orang hamba — sa-orang laki2 dan sa-orang perempuan untuk di-serahkan kepada pehak pengantin perempuan untuk menjadi hamba tebusan mereka.

Laki2 itu di-panggilkan "pemutus tali gintong", dan perempuan itu di-gelarkan "tanda pertunangan."

(BERSAMBONG)

PERLAWANAN MAIN GASING:

Pasokan Temburong Menang Lagi

PEKAN LIMBANG. — Pasokan bermain gasing Daerah Temburong sa-kali lagi telah berjaya menggondol semua hadiah2 dari Pengerusi Majlis Daerah Limbang apakala perlawanan bermain gasing antara Limbang dan Temburong di-adakan di-sini pada 14 Mei lepas.

Perlawanan tersebut ada-lah sa-bagai membalas kedatangan pasokan bermain gasing dari Limbang ka-Pekan Bangar pada 23 April lepas. Dalam perlawanan itu Temburong telah menggondol piala tersebut.

Dalam perlawanan bergurau Tuah bin Abu Bakar dari Temburong telah berjaya mengalahkan pemain dari Limbang dengan putaran gasing sa-lama 34 minit berbanding dengan 27 minit ia-itu kelamaan putaran

gasing dari Limbang.

Ini ada-lah rekod yang baru. Rekod yang sudah ia-lah sa-lama 31 minit.

Dalam perlawanan berpuia pula pasokan Temburong telah menewaskan pasoka Limbang dengan dua pukulan berbalas satu.

Pasokan Temburong, sa-ramai 13 orang itu, telah di-ketuai oleh Awang Puasa bin Tudin. Penolong Pegawai Daerah Temburong.

"ASKAR MERUPAKAN PERISAI KEAMANAN"

- Kata Y.A.B. Dato Seri Paduka Marsal

BANDAR BRUNEI. — Yang Amat Berhormat Menteri Besar, Dato Seri Paduka Marsal bin Ma'un berkata bahawa askar ada-lah merupakan perisai keamanan. Jika sa-kira-nya kachau bilau berlaku askar akan bersedia untuk berkorban jiwa dari melihat keamanan dan kesejahteraan ra'ayat terancam.

Kapada askar-lah seluruh ra'ayat menggantungkan harapan dan untuk tempat bernaong dibawah kecekapan ketenteraan bagi menghindarkan mala petaka, tegas beliau sa-lanjut-nya.

Uchapan ini telah di-buat oleh Yang Amat Berhormat itu dalam upacara mengucapkan selamat kembali ka-tanah ayer kapada ahli2 Askar Melayu Brunei selepas menjalani latihan ketenteraan di-Tanah Melayu.

Kira2 400 orang ahli2 Askar Melayu Brunei telah lulus latihan di-beberapa pusat latihan tentera di-Tanah Melayu dan sampai di-sini pada 7 Mei, 1964.

Upacara mengalu2kan selamat datang kembali itu telah di-langsungkan di-depan Bangunan Pejabat2 Kerajaan, di-sini.

Pada awal2 ucapan-nya Dato Seri Paduka Marsal berkata :

"Pada hari yang berbahagia ini saya mengambil kesempatan memohon restu dari Allah Subhanahu Wata'ala dalam mengucapkan selamat kembali ka-tanah ayer kapada seluruh anggota Askar Melayu Brunei.

"Mulai sekarang awang2 para-jurit semua ada-lah berpijak diatas bumi tanah ayer, Brunei Darul-Salam, untuk meneruskan tugas dan tanggung-jawab2 sa-bagai perwira2 yang sedia berkorban untuk keselamatan dan kesejahteraan tanah ayer kita yang terchinta.

PANDUAN

"Saya berharap segala apa yang awang2 perolehi dan pelajari sa-lama ini akan dapat menjadi panduan dan ubor dalam menjalani terus tugas awang2 di-tanah ayer sendiri.

"Saya penoh perchaya awang2 telah di-latih oleh saudara2 kita di-negara Malaysia itu dengan sa-baik2-nya untuk melayakkan awang2 semua sa-taraf dengan kebolehan2 dan kechergasan yang ada pada askar2 di-mana2 juga di-dunia ini."

Kemudian beliau sa-terus-nya menyatakan rasa besar hati dan terima kasih beliau kapada pelat2 mereka di-Malaysia yang berjaya membentok askar2 Brunei itu sa-bagai askar2 yang penoh chekap dan terlatah.

Beliau berkata, "kita harus-lah berterima kasih kapada saudara2 kita di-Malaysia yang telah melat2 awang2 semua dan yang telah memberikan tunjok-ajar, dan oleh itu kita sudah tentu-nya tidak akan lupa dan akan tetap menjadikan-nya ingatan abadi

buat sa-panjang hayat.

"Sa-panjang yang kami tahu sa-lama awang2 berada di-Malaysia awang2 telah melakukan berbagai2 kejayaan yang chemerlang dalam bermacham2 bidang.

"Ini ada-lah satu bukti yang nyata bahawa awang2 lebeh handal dari askar2 yang ada di-Malaysia itu.

"Saya berseru kapada awang2 semua supaya kejayaan2 chemerlang itu akan lebeh2 lagi menguatkan azam dan tekad awang2 untuk bergiat terus dengan tekun dan usaha supaya akan lebeh maju ka-hadapan.

PERWIRA

"Ra'ayat Brunei seluruh-nya, saya perchaya, sudah tentu merasa amat megah dan bangga atas kegiatan2 yang awang2 lakukan sa-masa awang2 menjalani latihan di-Malaya itu.

"Awang2 telah turut mengharumkan nama tanah ayer kita dari luar negeri, sa-bagai perwira2 yang mempunyai kebolehan2 yang tidak kalah jika di-tandingkan dengan mereka sendiri.

Dalam menarek perhatian be-

KERAJAAN JEPUN MENGHADIAHKAN BUKU2 KAPADA KERAJAAN BRUNEI



BANDAR BRUNEI. — Menteri Besar Brunei, Yang Amat Berhormat Dato Seri Paduka Marsal bin Maun, bagi pehak Kerajaan Brunei telah menerima hadiah sebanyak 70 buah buku dari Kerajaan Jepun pada pagi 12 Mei.

Beberapa jilid yang di-tulis dalam bahasa Inggeris, mengandongi beberapa perkara, mengenai penghidupan di-Negeri Jepun.

Buku2 itu juga, mengandongi

liau atas tugas dan kewajipan sa-bagai sa-orang askar, beliau berkata :

"Bertugas sa-bagai sa-orang askar bukan-lah satu perkara yang mudah.

"Tugas ini ada-lah satu bebanan yang amat berat yang hanya dapat di-pikul dan di-pertanggung-jawabkan oleh mereka2 yang benar2 mempunyai kechenderongan serta rasa kesedaran yang mendalam.

SETERIA

"Askar ada-lah merupakan seteria tanah ayer yang memperterangkan jiwa raga demi menjaga kehormatan, keselamatan, kesejahteraan, dan kema'amoran negara.

"Andai-nya kesemua-nya ini terancam atau di-ancam oleh mana2 anasir2, baik dari dalam mau pun dari luar negeri maka sa-tiap askar akan bersedia mati dalam mempertahankan-nya dari pencherobohan.

"Tetapi jangan-lah pula menyangka bahawa tugas askar itu untuk berperang dengan semboyan di-bunuh atau membunuh. Bahkan lebeh dari itu.

"Awang2 juga ada-lah anggota masharakat yang bertanggung jawab untuk mempertinggi darjat kehidupan ra'ayat di-negeri ini.

"Hanya di-dalam masa keselamatan ra'ayat sedang terancam maka awang2 akan menjadi perisai, di-mana seluruh ra'ayat menggantungkan harapan untuk dapat bernaong dibawah kecekapan awang2 dari menghindarkan mala petaka itu.

"Jadi, boleh-lah di-katakan bahawa kira2 85 000 jiwa ra'ayat

Brunei ada-lah di-dalam tanggungan awang2 dalam menjaga keselamatan mereka daripada terancam oleh mana2 anasir jahat yang chuba mencheroboh.

Sa-terus-nya Dato Seri Paduka Marsal berkata :

"Askar2 ada-lah merupakan perisai keamanan yang mema'anakan bahawa awang2 tidak mahu melihat negara kita di-dalam keadaan kachau bilau.

"Jika kachau bilau berlaku, maka awang2-lah akan bersedia berkorban jiwa dari melihat keamanan dan kesejahteraan ra'ayat terancam.

"Awang2 ada-lah penchinta keamanan. Oleh sebab itu awang2 ada-lah bersedia berperang dari melihat keamanan yang awang2 chintai itu terancam atau di-cheroboh."

Sa-telah itu, Yang Amat Berhormat itu menyeru supaya sekalian askar akan terus menumpukan ta'at setia mereka kapada Kebawah Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan dan kerajaan baginda.

TA'AT SETIA

Ta'at setia itu, tegas beliau lagi, harus-lah tidak berbelah bagi dan tidak mudah dapat di-pengaruhi oleh anasir2 jahat yang chuba memperalatkan mereka bagi menchapai tujuan tama' dan haluba mereka.

Beliau memberi ingat bahawa askar2 sekalian harus-lah, pada sa-tiap masa dan ketika, akan waspada dan bersedia menghadapi segala rupa mala petaka yang mungkin menimpa keselamatan baginda, Kerajaan Baginda, dan ra'ayat Baginda.

Kemudian beliau mengalah perhatian beliau ka-araf sa-suatu yang tidak di-ingini tetapi kadang2 datang juga dengan tidak di-sangka2. Beliau telah mengalah kembali pandangan beliau kapada peristiwa 8 Disembar 1962.

Kata beliau, "Kita semua ada-lah sangat2 menchintai damai, kerana di-dalam suasana damai kita boleh bergiat bagi menuju kemajuan, kema'amoran dan kesejahteraan ra'ayat seluruh-nya.

"Tetapi sudah menjadi lazim dunia, mala petaka tidak dapat kita tentukan. Kadang2 dia (Lihat Muka 8).

KURSUS PEMULEHAN:

30 Orang Lagi Di-Bunut

BUNUT. — Lagi sa-ramai 30 orang tahanan telah di-pindahkan dari pusat tahanan di-Berakas ka-Pusat Pemulehan di-sini untuk menjalani kursus pemulehan sa-lama 10 hari, pada 17 Mei lepas.

Dengan angka itu sa-ramai 1,356 orang telah menjalani kursus tersebut sejak ia-nya di-mulakan awal tahun lalu.

PERADUAN BACHAAN KITAB SUCHI AL-QURAN

DAERAH2 BRUNEI/MUARA, DAN TEMBURONG

DAERAH TUTONG

BANDAR BRUNEI.—Satu peraduan bacaan kitab suchi Al-Quran dan sharahan bagi murid2 sekolah2 Ugama daerah2 Brunei, Muara dan Temburong telah di-adakan di-Mesjid Omar Ali Saifuddin di-sini pada 10 Mei, lepas.

Sa-ramai 46 orang murid lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan2 tersebut. Enam orang daripada-nya telah mengambil bahagian dalam peraduan sharahan.

Peraduan itu di-mulai dengan upacara pembukaan rasmi pada sa-belah pagi oleh Pegawai Daerah Brunei/Muara, Awang Ali bin Awang Besar, dan di-tutup dengan upacara menyampaikan hadiah2 dan dengan ucapan penutup peraduan oleh Pengerusi Jawatankuasa Peraduan Al-Quran bagi daerah2 itu, Awang Abdul Hamid bin Mohammad Daud, pada sa-belah petang-nya.

KEPUTUSAN

Keputusan peraduan terma'alum ada-lah saperti berikut:

Bachaaan Quran lelaki—pertama: Wasli bin Haji Bakar dari SOAS, Bandar Brunei (80½ peratus), kedua: Hidup bin Abdul Rahman dari SMJA, Bandar Brunei (79 peratus), dan ketiga: Zul-Kiflee bin Mohammad Saleh dari Sekolah Ugama Berakas, Brunei (70 peratus).

Bachaaan Quran perempuan—pertama: Norlia binte Haji Abdul Rahim dari STPRI, Bandar Brunei (81½ peratus), kedua: Rosnah binte Pengiran Sulaiman dari SMLM, Bandar Brunei (65 peratus), dan ketiga: Dk. Pungut binte Pg. Tengah dari Sekolah Ugama Lumapas, Brunei (59½ peratus).

KERJA KOSONG:

Pekerja Kebajikan Masharakat

Permohonan2 ada-lah di-pela-wa daripada ra'ayat Sultan Brunei atau mereka yang berhak di-daftarkan menjadi ra'ayat Sultan untuk memenohi jawatan sabagai Pekerja Kebajikan Masharakat di-Jabatan Kebajikan Masharakat Negara, Brunei.

Gaji:

Dalam tingkatan gaji \$211-220 x 10-260-280-290 x 20-370-380x20-560 sa-bulan. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

(a) Pemohon2 mesti-lah kaum wanita.

(b) Mesti berkelulusan Form III Sekolah Inggeris dan Darjah IV Sekolah Melayu.

(c) Umor dari 18 hingga 35 tahun.

(d) Pandai bertemu-ramah.

Sharahan lelaki—pertama: Mohammad bin Haji Wasli dari SOAS, Bandar Brunei (79 peratus), kedua: Junid bin Bakar dari Sekolah Ugama Sultan Hashim, Batu Apoi, Temburong (72½ peratus), dua ketiga: Abdul Ghafor bin Haji Ma'mor dari SMJA, Bandar Brunei (71½ peratus).

Sarahan perempuan — pertama: Mastura binte Mohsin dari STPRI, Bandar Brunei (83½ peratus), kedua: Zainab binte Mohd. Yassin dari RIF, Bandar Brunei (78 peratus), dan ketiga: Zubaidah binte Omar dari SUAS, Muara (72 peratus).

SOKAN MAKTAB PERGURUAN MENDAPAT SAMBUTAN

BANDAR BRUNEI.—Maktab Perguruan Melayu Brunei telah mengadakan temasha sokan-nya kali yang ke-enam bertempat di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang 10 Mei, 1964.

Di-antara para hadirin di-temasha sokan itu ia-lah Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusof bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan isteri; Pegawai Pelajaran Negara, Brunei Yang Berhormat Awang MacInnes; Penguasa Pelajaran Melayu Brunei, Awang Noordin bin Abdul Latiff dan lain2-nya.

Temasha sokan itu di-mulai dengan para peserta berbaris dengan chergas di-keliling padang sambil memberi tabek kehormatan kepada Pegawai Pelajaran

PEKAN TUTONG.—Satu peraduan membachaa kitab suchi Al-Quran dan sharahan bagi murid2 sekolah2 Ugama Daerah Tutong telah di-langsungkan di-Sekolah Melayu Muda Hashim di-sini pada 13 Mei lepas.

Sa-ramai 40 orang murid2 lelaki dan perempuan telah mengambil bahagian dalam peraduan itu.

Sa-belum upacara tersebut dibuka dengan rasmi-nya oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Abdul Ghani bin Hassan, Pengerusi Peraduan tersebut Awang Mahalle bin Haji Abdullah telah melafazkan rasa keshukoran-nya kerana dapat berkumpul bersama2 menyaksikan peraduan itu.

Kata-nya kita tidak mengetahui nasib anak2 masa hadapan. Bakat yang ada pada anak2 itu tumbuh dari sa-mula jadi dan ia-nya harus di-asoh dengan sempurna menurut yang di-kehen-

daki.

Keputusan peraduan tersebut ada-lah saperti berikut:

Quran bahagian lelaki—pertama: Alimas b. Mohammad Daud dari Sekolah Ugama Muda Hashim, Pekan Tutong, dengan markah-nya 86 peratus kedua: Bulat bin Bakar dari Sekolah Ugama Lamunin, dengan markah-nya 84 peratus; dan ketiga: Haji Esa bin Haji Tamit dari Sekolah Ugama Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas, dengan markah-nya 82 peratus.

Quran bahagian perempuan — pertama: Fatimah binte Simpul dari Sekolah Ugama Muda Hashim, Pekan Tutong, dengan markah-nya 85 peratus; kedua: Zainab binte Manaf dari Sekolah Ugama Tanjong Maya, dengan markah-nya 78 peratus; dan ketiga: Fatimah binte Yahya dari Sekolah Ugama Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas, dengan markah-nya 75 peratus.

Sarahan bahagian lelaki — pertama: Ariffin bin Mohd. Yassin dari Sekolah Ugama Muda Hashim, Pekan Tutong, dengan markah-nya 78 peratus; kedua: Ajrani bin Mohammad Jamil dari Sekolah Ugama Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas, dengan markah-nya 72 peratus; dan ketiga: Sabli bin Talib dari Sekolah Ugama Sengkurong dengan markah-nya 64 peratus.

Sarahan bahagian perempuan — pertama: Rosnah binte Awang Ahmad dari Sekolah Ugama Muda Hashim, Pekan Tutong, dengan markah-nya 82 peratus; Rokiah binte Yahya dari Sekolah Ugama Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas, dengan markah-nya 72 peratus; Judah binte Naim dari Sekolah Ugama Sengkurong, dengan markah-nya 72 peratus.

PERKHEMAHAN PENGAKAP2

GADONG.—Pengakap2 diseluruh Negeri Brunei akan menghadriri satu temasha perkhemahan di-Perkhemahan Pengakap2 di-Kampung Gadong dalam bulan Jun hadapan.

Perkhemahan itu akan di-adakan selama tiga hari mulai dari hari Juma'at 5 Jun.

Berbagai2 acara akan di-adakan di-temasha itu. Di-antara-nya ia-lah pertandingan untuk merebutkan Perisai Mackintosh.

Perisai tersebut telah di-hadiahkan oleh Awang A.M. Mackintosh, bekas Ketua Pengakap Negeri Brunei pada masa beliau berkhidmat di-Negeri Brunei sa-bagai Pesuruh Jaya Kerajaan Inggeris tidak berapa lama dahulu.

(e) Tahu dan mengerti sadi- kit sabanyak keperibadian Masharakat Desa dan Kampung.

Kewajipan2:

Pekerja Kebajikan Masharakat ini ia-lah menyiasat dan memereksa hal2 yang bersangkutan dengan kepinchangan hidup masharakat. Pemohon2 hendak-lah bersedia tinggal bermalam di-Kampung2 pendalaman.

Permohonan2 daripada Pegawai2 Kerajaan, hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat mereka. Ketua2 Pejabat di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 itu bersama2 dengan satu Penyata Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, mesti-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 30 Mei, 1964.

Negara, Yang Berhormat Awang MacInnes.

Sungguh pun hujan telah turun dengan lebat-nya sa-belum temasha sokan itu di-mulai, dengan menyebabkan padang lechah, akan tetapi segala acara temasha sokan itu telah di-jalankan dengan baik hingga tamat temasha sokan itu.

Hadiah2 kepada pemenang2 temasha sokan itu dan juga kepada pemenang2 lain2 pertandingan telah di-sampaikan oleh Yang Mulia Datin Hajjah Salma binti Mohamed Yusof, ia-itu isteri Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf.

Keputusan temasha sokan tersebut ada-lah saperti berikut:

Johan—Rumah Nakhoda Manis . . . 311 mata. Naib johan—Rumah Nakhoda Ragam . . . 274 mata. Pemenang ketiga — Rumah Bendahara Sakam . . . 267 mata dan Pemenang ke-empat—Rumah Awang Semaun . . . 255 mata.

Bintang Sokan Maktab Perguruan Melayu Brunei Tahun 1964 Bahagian Lelaki di-sandang bersama oleh Awangku Ali bin Pengiran Hidup dari Rumah Awang Semuan dan Tuah Haji Saman dari Rumah Bendahara Sakam.

Bintang Sokan Maktab Perguruan Bahagian Perempuan — Rokiah Hussain dari Rumah Bendahara Sakam.

CHATETAN: Rokiah Hussain dan Juana Lahab telah menyandang gelaran bersama sa-bagai Bintang Sokan Maktab Perguruan Melayu Brunei Bahagian Perempuan Tahun 1963. Bintang Sokan M.P.M.B. Bahagian Lelaki Tahun 1963 ia-lah Suhaili Lani.

Lumba Merentas Desa Anjoran P.B.B.B. Mendapat Sambutan Hangat

BANDAR BRUNEI. — Perlumbaan Merentas Desa anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei telah di-langsungkan di-sini pada petang hari Rabu 13 Mei dengan memperoleh sambutan yang baik dari kalangan para peserta lelaki dan perempuan, dari berbagai2 bangsa.

Perlumbaan tersebut di-bahagikan kepada lima bahagian, iaitu Bahagian Dewasa, Bahagian Orang2 Tua, Bahagian Kanak2, Bahagian Wanita dan Bahagian Pasokan.

Perlumbaan2 untuk wanita2 dan kanak2 ia-lah sa-jauh kira2



Gambar ini di-ambil sa-belum di-adakan upacara menyampaikan hadiah2 Perlumbaan Merentas Desa di-Bandar Brunei pada petang hari Rabu lepas.

tiga batu, manakala perlumbaan2 untuk orang2 tua dan dewasa ia-lah sa-jauh kira2 6½ batu.

Perlumbaan untuk wanita2 dan kanak2 di-mulai dari kawasan Sekolah Melayu Gadong, menuju ka-Kampung Kiulap hingga ka-simpang jalan, kemudian melimpas Jambatan Edinburgh dan terus ka-Padang Besar, Bandar Brunei.

Perlumbaan untuk orang2 dewasa dan tua ia-lah dari Jalan Elizabeth II, Bandar Brunei menuju ka-Jalan Gadong melalui Jalan Kumbang Pasang dan dari kawasan Sekolah Melayu Gadong ka-Padang Besar, Bandar Brunei.

Sa-lepas tamat perlumbaan2 tersebut ucapan2 yang berharga telah di-lafadzkan oleh Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Ber-



Dk. Iring binte Pengiran Mohd. Said dari pasokan sekolah2 Melayu Brunei 1 telah mendapat tempat yang pertama dalam lumba lompat pagar 120 c. Masa-nya 15 minit 9 sa'at.

hormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim dan oleh Yang Dipertua Persatuan Belia Bandar Brunei, Awang Yahya Mohamed Yusof.

Hadih2 kepada peserta2 yang berjaya dalam perlumbaan itu telah di-sampaikan oleh Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim.

Pasokan champoran Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II dan Temburong telah menjadi johan dalam perlumbaan antara pasokan2.

Semua-nya 14 pasokan mengambil bahagian dalam perlumbaan tersebut.

Awangku Ahmad bin Pengiran Metarsad telah menjadi johan dalam perlumbaan bahagian kanak2.

Johan bahagian orang2 dewasa

ia-lah Lamat bin Haji Abdul Rahman.

Johan bahagian orang2 tua ia-lah Apeng Laman.

Johan bahagian wanita ia-lah Wong Mee Fun.

Wong Mee Fun yang telah menjadi johan bahagian wanita, berumur hanya 12 tahun, ia-lah sa-orang penuntut Seko'ah Misi Saint Andrew Bandar Brunei.

Keputusan2 perlumbaan2 tersebut ada-lah saperti di-bawah ini: **BAHAGIAN ORANG TUA:** Johan — Apeng Laman dari Pejabat Perubatan, Brunei.

Masa-nya ia-lah 43 minit 16.1 sa'at. Naib johan — Jamil bin Haji Lamit dari Kampong Delima 1, Brunei dan pemenang ketiga — Mohamed bin Tali dari Kampong Sungai Hanching, Jalan Muara, Brunei.

BAHAGIAN ORANG2 DEWASA: Johan — Lamat bin Haji Abdul Rahman dari Maktab Perguruan Melayu Brunei.

Masa-nya ia-lah 47 minit 24.6 sa'at. Naib johan — William Jaw dari Sharikat Tang Ching Ying Motors, Brunei dan pemenang ketiga — Mohamed Sa'ad bin Idris dari Maktab Perguruan Melayu Brunei.

BAHAGIAN KANAK2: Johan — Awangku Ahmad bin Pengiran Metarsad dari Pasokan Champoran Sekolah2 Melayu Brunei II dan Temburong.

Masa-nya ia-lah 19 minit. 50.2 sa'at. Naib johan — Awangku Ya'akub bin Pengiran Tuah juga dari Pasokan Champoran Sekolah2 Melayu Brunei II dan Temburong. Pemenang ketiga ia-lah Christopher Thian dari Sekolah Misi Saint Andrew, Bandar Brunei.

BAHAGIAN WANITA: Johan Wong Mee Fun dari Sekolah Misi Saint Andrew, Bandar Brunei. Masa-nya ia-lah 24 minit. 21 sa'at. Naib Johan — Aminah binti Abdul Rahman dari Maktab Perguruan Melayu Brunei. Pemenang ketiga — Rokiah binti Hussain dari Maktab Perguruan Melayu Brunei juga.

BAHAGIAN PASOKAN: Johan — Pasokan Champoran Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei II dan Temburong. Naib Johan — Pasokan "A" Sekolah Misi Saint Andrew, Bandar Brunei. Pemenang ketiga — Sekolah Melayu Sultan Muhammad Jamalul Alam, Bandar Brunei.

PERTANDINGAN SOKAN SEKOLAH2 MELAYU SELUROH NEGERI BRUNEI

BANDAR BRUNEI. — Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah merasmikan pembukaan Pertandingan Sokan Peringkat Akhir Sekolah2 Melayu Sa-Negeri Brunei di-Padang Besar Bandar Brunei pada petang hari Sabtu 9 Mei, 1964.

Temasha tersebut di-mulai dengan nyanyian Lagu Kebangsaan Brunei dan kemudian di-adakan upacara menaikkan Bendera Brunei.

Sa-baik sahaja Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf merasmikan pembukaan pertandingan sokan tersebut satu upacara melarikan bendera Johan Sokan Sekolah2 Melayu sa-Negeri Brunei pada tahun lalu telah di-adakan.

Kemudian bendera itu di-se-rahkan kepada Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang MacInnes. Beliau pula menyerahkan bendera itu kepada Guru Pengawas Pasokan.

Sa-lepas itu di-adakan upacara membacha Ikrar Sokan dan di-iringi dengan upacara menaikkan Bendera Johan.



Halimah binte Haji Metasan dari pasokan sekolah2 Melayu Brunei 11 telah menjadi johan dalam perlumbaan melempar lembing. Jarak-nya 65 kaki, 11 inci.

Majlis pembukaan rasmi temasha sokan tersebut di-akhiri dengan para peserta berbaris mengelilingi padang sambil memberi tabek kehormatan kepada Setia Usaha Kerajaan Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohamed Yusuf.

Beliau di-apit di-upacara tersebut oleh Yang Dipertua tem-



Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohd. Yusuf mengistiharkan pembukaan sokan sekolah2 Melayu seluruh negeri pada 9 Mei, 1964.

asha sokan itu, Pegawai Pelajaran Negara Brunei, Yang Berhormat Awang MacInnes dan oleh Naib Yang Dipertua temasha sokan itu, Penguasa Pelajaran Melayu, Brunei Awang Noordin bin Abdul Latiff.

Hadih2 telah di-sampaikan oleh isteri Timbalan Menteri Besar Brunei, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Paduka Haji Ali bin Pengiran Haji Mohamed Daud, ia-itu Datin Hajjah Nahriah binti Mohamed Daud.

Keputusan2 penoh temasha sokan tersebut ada-lah saperti berikut.

Johan — Pasokan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Satu 135 mata.

Naib johan — Pasokan Sekolah2 Melayu Daerah 103 mata.

Pemenang Ketiga — Pasokan Sekolah2 Melayu Bahagian Brunei Dua — 80 mata.

Pemenang yang keempat — Pasokan Sekolah2 Melayu Daerah Tutong 41 mata dan di-turut oleh Pasokan Sekolah2 Melayu Daerah Temburong yang mendapat sa-banyak 19 mata.

Kad2 Pengenalan Di-Adakan Sa-Mula Di-Negeri Brunei

BANDAR BRUNEI. — Pengawal Imigresen, Awang Mohammad Ja'afar bin Haji Mohammad Daud memberitahu bahawa kerajaan akan mengadakan sa-mula kad2 pengenalan untuk langkah berjaga2 bagi memelihara keselamatan negara.

Perkara ini telah di-beritahu beliau di-Lapangan Terbang Brunei sa-belum berlepas ka-Malaya pada 17 Mei lepas.

Awang Ja'afar telah di-temani oleh Pengiran Dato Pahlawan Jaya bin Pengiran Haji Rajid, Timbalan Pesuruh Jaya Pulis, dan Awang John Cardoza, Penolong Pengawal Imigresen.

Ketiga2 beliau itu akan berada di-Kuala Lumpur untuk memerhati kerja2 yang bersangkutan dengan pendaftaran di-Pejabat Pendaftar Kebangsaan Malaysia sa-lama 10 hari.

PERISAI KEAMANAN

(Dari Muka 5).

datang juga dengan tidak diminta dan dengan tidak sangka2.

"Sama-lah hal-nya saperti kejadian pada 8 Disember, 1962, di-mana sa-bilangan ra'ayat Brunei sendiri telah dapat di-pengarahi oleh pemimpin2 yang berhati jahat dan mengadakan perlawanan bersenjata terhadap Duli Yang Maha Mulia dan Kerajaan baginda.

"Ini-lah masa-nya sa-tiap tenaga askar akan teruji dalam menunjukkan ta'at setia mereka dan mempertahankan baginda, Kerajaan baginda dan ra'ayat baginda seluruh-nya yang tidak melibatkan diri dalam penderhakaan itu.

"Tetapi sayang-nya pada ketika itu, awang2 masih lagi berada di-Malaysia menjalani latihan, dan pehak kerajaan terpaksa-lah meminta bantuan dari luar negeri.

"Jika awang2 pada masa itu sudah tamat latihan maka sudah barang tentu kepada awang2-lah terletak-nya harapan negara dan ra'ayat untuk menghindarkan dan melumpuhkan penderhakaan yang berlaku pada masa itu.

"Ini-lah yang saya katakan mala petaka itu kadang2 datang dengan tidak di-duga," tegas beliau.

Melawat Brunei

BANDAR BRUNEI. — Ramai pelancong2 lelaki dan perempuan dari Amerika Sharikat telah melawat ka-Negeri Brunei pada minggu lepas dalam bidang lawatan mereka mengelilingi dunia.

Lawatan para pelancong itu ka-negeri ini di-selenggarakan oleh Borneo Travel Service, ia-itu sa-buah sharikat pelancong tempatan.

Senior Inspektor Kong Leng Balek Dari England

BERAKAS. — Senior Inspektor Chua Kong Leng telah balek ka-Brunei dengan kapal terbang dari London, melalui Singapura baharu2 ini sa-lepas menghadiri Kursus Pegawai2 Pulis Sabarang Laut di-sana, sa-lama enam bulan.

Kursus itu telah di-adakan di-Sekolah Latihan Pulis Metropolitan, Hendon, London.

Menurut keterangan Senior Inspektor Kong Leng seramai 24 orang Pegawai2 Pulis dari 21 negeri telah menghadiri kursus tersebut.

Penggal Kedua Sekolah2 Kerajaan

BANDAR BRUNEI. — Penggal Kedua Sekolah2 Melayu dan Maktab Perguruan Melayu Brunei pada tahun ini ia-lah dari 24 Mei hingga ka-27 Ogos.

Penggal Kedua Sekolah2 Inggeris Kerajaan dalam Negeri Brunei pula ia-lah mulai dari 23 Mei hingga ka-27 Ogos.

KRIKET :

BRUNEI MELAWAN SABAH

BANDAR BRUNEI. — Pusingan pertama pertandingan kriket di-antara Brunei dengan Sabah untuk merebutkan Perisai Davidson akan di-adakan di-Jessellton pada 23 dan 24 Mei. Brunei telah menang perisai tersebut pada tahun lepas setelah mengalahkan Sabah dan Sarawak.

WAKTU2 SEMBAHYANG DAN AMSAK

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah2 Brunei/ Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 20 Mei hingga ka-hari Ahad 31 Mei, 1964 ada-lah saperti di-bawah ini:—

H.B.	Amsak	Suboh	Dzohor	Asar	Maghrib	Isha
20	4.39	4.54	12.23	3.38	6.32	7.44
21	4.39	4.54	12.23	3.38	6.32	7.44
22	4.39	4.54	12.23	3.38	6.32	7.44
23	4.39	4.54	12.23	3.38	6.32	7.44
24	4.39	4.54	12.23	3.39	6.33	7.45
25	4.39	4.54	12.23	3.39	6.33	7.45
26	4.39	4.54	12.23	3.39	6.33	7.45
27	4.39	4.54	12.23	3.40	6.33	7.45
28	4.39	4.54	12.24	3.40	6.34	7.46
29	4.39	4.54	12.24	3.40	6.34	7.46
30	4.39	4.54	12.24	3.40	6.34	7.46
31	4.39	4.53	12.24	3.41	6.34	7.46

Waktu sembahyang dan amsak bagi Daerah Seria dan Kuala Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

PERLUMBAAN MERENTAS DESA DI-BANDAR BRUNEI



Pemandangan sa-belum perlumbaan merentas desa bahagian wanita anjoran Persatuan Belia Bandar Brunei di-mulai pada petang hari Rabu yang lalu. Siapakah yang menang dalam perlumbaan itu? Berita-nya di-siarkan di-muka tujuh.

KEMALANGAN MEMBAWA MAUT 3-ORANG MATI LEMAS

MUARA. — Dua orang kanak2 dan sa-orang tua telah mati lemas dalam dua kemalangan di-kawasan2 tidak jauh dari Bandar Brunei, minggu lepas.

Pertandingan Bulu Tangkis Pasokan2 Pulis

BANDAR BRUNEI. — Satu pertandingan bulu tangkis sa-chara persahabatan di-antara Pasokan Pulis di-Bandar Brunei dengan Pasokan Pulis Panaga, Daerah Belait telah di-adakan di-kawasan Ibu Pejabat Pulis di-Bandar Brunei pada petang hari Juma'at 15 Mei, 1964.

Sembilan perlawanan telah di-adakan ia-itu 3 perlawanan sa-sa-orang dan 6 perlawanan bergu.

Pasokan Pulis di-Bandar Brunei telah menang 4 perlawanan bergu dan 3 perlawanan sa-sa-orang, manakala Pasokan Pulis Panaga telah menang 2 perlawanan bergu.

Kejadian sedih itu telah berlaku pada 15 Mei. Mayat kedua kanak2 itu telah di-jumpai pada hari itu, tetapi mayat orang tua itu telah dapat di-jumpai pada awal pagi 17 Mei lepas.

Kanak2 itu — Jumat bin Mansor, 8 tahun dan adek-nya Abu Bakar, 7 tahun — telah lemas dalam sungai di-Kampung Menteri, dekat Pekan Muara, kira2 15 batu dari Bandar Brunei.

Orang tua itu, Gudang bin Abdul Rahman, berumur kira2 30 tahun, dari Kampung Sabah Tengah, Bandar Brunei, telah hilang sa-telah perahu-nya karam di-hadapan rumah persinggahan kerajaan.

Sejak hari kemalangan itu pehak pulis dan sanak saudara Gudang telah berusaha mencharinya dan akhir-nya mayat Gudang telah di-jumpai terapong2 di-Sungai Brunei, dekat Kampung Burong Pingai kira2 sa-batu dari Bandar Brunei.

Pehak pulis menjalankan penyiasatan.

MENGHADHIRI SEMINAR P.B.B. DI-KABUL

BERAKAS. — Dua orang pegawai kanan kerajaan telah berlepas ka-Kabul, Afghanistan untuk menghadiri seminar Bangsa-bangsa Bersatu mengenai hak asasi ma'anusia bagi negeri2 yang sedang berkembang, pada 6 Mei dahulu.

Beliau2 itu ia-lah Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail, Pegawai Daerah Belait, dan Awang Abidin bin Abdul Rashid, Pegawai Pentadbir dari Jabatan Setiausaha Kerajaan.

Seminar tersebut telah mulai di-buka pada 12 Mei dan akan berakhir pada 25 Mei ini.